

Program Sembang Santai medan ahli suarakan hak

UB 25.2.2018 A6

KOTAKINABALU: Barisan kepimpinan Kesatuan Kakitangan Am UMS (Kekaumas) yang baharu diterajui oleh Abdul Jalil Sapli berjaya mengadakan program Sembang Santai bersama Pendaftar Universiti Malaysia Sabah No'man Haji Ahmad di Dewan Galeri pada Selasa.

Jalil berkata ia adalah salah satu program terbesar yang diadakan pada awal tahun 2018.

Beliau berkata walaupun program itu telah ditunda beberapa kali pelaksanaannya namun dengan kerjasama yang padu daripada kalangan barisan exec bersama beberapa pegawai pengurusan universiti akhirnya dapat juga diadakan dengan jayanya.

"Penganjuran Sembang Santai Bersama Pendaftar dianjurkan adalah khusus kepada semua staf pelaksana I dan II yang bertugas di UMS sama ada yang sudah menjadi ahli ataupun yang belum menjadi ahli," katanya.

Katanya, harapan pihak kesatuan agar pada program berkenaan semua staf akan lebih memahami penjelasan yang diberikan oleh Pendaftar UMS berhubung beberapa perkara yang berkaitan dengan Kesatuan dan perkhidmatan.

Justeru, Jalil berharap kepada mana-mana staf yang rela hati memasuki kesatuan adalah dialu-alukan dengan mengisi borang yang telah disediakan.

"Perkara ini adalah bertujuan memperkuatkan lagi pihak kesatuan untuk menyuarakan hak pihak pelaksana dengan lebih mudah," jelasnya.

Dalam sembang santai itu, No'man telah memulakan sembang beliau dengan

merujuk apakah peranan kesatuan ditubuhkan di UMS.

Beliau memulakan dengan sejarah penubuhan Kekaumas di UMS pada 1998 yang telah ditubuhkan oleh beberapa jawatankuasa penaja pada masa itu yang diterajui oleh Amat Jutrah Haji Musniah sebagai pengurus, Nurul Jasmin sebagai setiausaha dan Jideh Jurin sebagai bendahari.

Selain itu, lima ahli jawatankuasa kerja iaitu Ahmad Manik, Hasan Insi, Rusiah Yaakob dan Marianie Kuntong membuat perancangan dan membuat draft peraturan kesatuan untuk didaftarkan ke Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja di bawah Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

Walaupun berlanjutan beberapa tahun akhirnya ia telah berjaya didaftarkan pada 12 Februari 2001 dengan nombor sijil pendaftaran S77.

No'man berkata semasa penubuhan kesatuan itu jumlah kakitangan yang memohon menjadi ahli hanya seramai 93 orang sahaja berbanding jumlah ahli sekarang sudah melebihi 653 orang sejak 18 tahun yang lalu daripada jumlah keseluruhan staf pelaksana seramai 1,582 orang.

Di samping mengucapkan syabas dan tahniah kepada kepimpinan dan barisan Kekaumas yang baharu, beliau menyeru mana-mana staf pelaksana yang belum menjadi ahli agar menyumbangkan sedikit wang sebagai yuran bagi menyokong peranan pihak kesatuan.

Walaupun perkara itu tidak dipaksa katanya, namun

apabila melihat peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh pihak kesatuan lebih banyak menyumbang kepada kebajikan staf sokongan.

"Perjuangan Kekaumas bukanlah perjuangan peribadi malah ia lebih banyak memperjuangkan hak-hak pekerja yang dibawa bersama pihak pengurusan tertinggi," katanya.

Beliau berkata jika dilihat perjuangan mantan Presiden Kekaumas, Amat Jutrah sejak tahun 1998 sehingga akhir Mac 2017, terlalu banyak kertas kerja yang dibawa setiap kali MBJ diadakan.

Hal itu membuktikan peranan kepimpinan dalam memperjuangkan keluhan para staf pelaksana sentiasa diutamakan.

"Walaupun ada kertas kerja yang dibawa ke MBJ tidak berjaya namun usaha membawa permasalahan sudah diketengahkan bersama pihak pengurusan yang dipengerusikan oleh Naib Canselor UMS," katanya.

No'man berharap kepimpinan Kekaumas akan dapat membawa semula ke MBJ untuk diperhalusi dan diperincikan program pelaksanaannya.

Tabung khairat itu hanya bernilai RM3 seorang staf akan dipotong melalui gaji setiap kali adanya kematian staf dan dikali dengan jumlah staf yang ada di universiti maka jumlah itulah yang akan diserahkan kepada waris staf berkenaan.

Majlis diakhiri dengan penyampaian bantuan tabung kebajikan kepada ahli yang ditimpa musibah dan penyampaian cenderamata Jasamu Dikenang kepada Amat Jutrah.